



## KENYATAAN MEDIA HARI KE LIMA

### SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELAKU PENERUS SABAH COVID-19 COMMAND CENTRE

---

Sebagai langkah menangani penularan wabak COVID-19, Kerajaan Negeri telah memutuskan melalui mesyuarat *Sabah COVID-19 Command Centre* pada hari ini, untuk melaksanakan larangan-larangan seperti berikut:

**A. Operasi Kompleks *Custom Immigration Quarantine and Security* (CIQS) Sindumin - Merapok Sempadan Sabah Sarawak**

Selaras dengan persetujuan antara Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, maka, Kerajaan Negeri Sabah telah memutuskan operasi Kompleks *Custom Immigration Quarantine and Security* (CIQS) Sindumin - Merapok, di sempadan Sabah dan Sarawak bermula jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam berkuat kuasa 22 Mac 2020 (Ahad).

**B. Waktu Operasi Perkhidmatan Jabatan Keretapi Negeri Sabah**

Kerajaan Negeri memutuskan untuk mengurangkan kekerapan perkhidmatan operasi Keretapi Negeri Sabah. Perkhidmatan keretapi adalah untuk tujuan perkhidmatan yang perlu sahaja. Jadual baru yang ditetapkan bermula 22 Mac 2020 adalah seperti berikut:

<b>Tempat</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Masa Operasi</b>
KK – Beaufort	Diberhentikan	
Beaufort – Halogilat	4 kali	7.50 pagi (pergi/balik) 4.30 petang (pergi/balik)
Halogilat – Rayoh	Diberhentikan	
Rayoh – Tenom	4 kali	7.50 pagi (pergi/balik) 4.00 petang (pergi/balik)

### **C. Isu Gelandangan**

Kerajaan Negeri memutuskan supaya gelandangan ditempatkan secara sementara di pusat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing.

### **D. Pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan di Kampung dan Kawasan Bandar**

Kerajaan Negeri memutuskan bahawa semua Ketua Kampung, Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Pengerusi Jawatankuasa Kesejahteraan Dalam Bandar hendaklah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah seliaan masing-masing.

### **E. Operasi Kilang Memproses Makanan dan Pengangkutan Bahan Makanan**

Kerajaan Negeri memutuskan bahawa operasi kilang memproses makanan dan pengangkutan bahan makanan seperti beras, sayur, ikan dan sebagainya untuk kegunaan domestik adalah dibenarkan.

## **F. Perhimpunan Awam dan Majlis Keramaian**

Kerajaan Negeri sekali lagi menegaskan supaya semua perhimpunan awam dan majlis keramaian seperti kenduri, perkahwinan dan acara-acara adat melibatkan orang ramai hendaklah dibatalkan.

## **G. Sekatan Jalan Raya**

Sekatan jalan raya di seluruh negeri Sabah sedang dikuatkuasakan untuk memastikan arahan Perintah Kawalan Pergerakan dipatuhi. Orang awam dipohon untuk memberi kerjasama sepenuhnya.

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH**  
**22 Mac 2020 | 1.00 petang**